

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Madius Tangau [ Tuaran ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berasal dari Sabah mengikut gred dan jawatan yang dipegang mereka setakat ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berasal dari Sabah sehingga kini adalah seramai **311 orang**. Maklumat terperinci pengisian mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

i) Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT)

Seramai **lima (5) orang PTD** terdiri daripada pegawai di Gred JUSA B dan JUSA C. Antara jawatan yang disandang adalah:

- (a) Timbalan Ketua Setiausaha;
- (b) Pengarah;
- (c) Ketua Sekretariat;
- (d) Pegawai Kewangan; dan
- (e) Ketua Pentadbir Parlimen.

ii) Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)

Sejumlah **306 orang PTD** terdiri daripada pegawai di Gred 41 hingga Gred 54. Antara jawatan yang disandang bagi gred tersebut adalah seperti berikut;

- (a) Ketua Pegawai Eksekutif;
- (b) Pengarah;

- (c) Setiausaha Bahagian;
- (d) Ketua Penolong Setiausaha;
- (e) Ketua Penolong Pengarah; dan

Sekian. Terima kasih.